



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

SIARAN MEDIA MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA

PEMBUKAAN SEMULA SEPENUHNYA VACCINATED TRAVEL LANE (VTL) ANTARA MALAYSIA DAN SINGAPURA

Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) ingin memaklumkan bahawa penjualan tiket bas dan penerbangan bagi inisiatif Vaccinated Travel Lane (VTL) antara Malaysia-Singapura (laluan udara dan darat) ini dibuka semula sepenuhnya, iaitu 100 peratus daripada kapasiti bas dan penerbangan, berkuat kuasa serta-merta. Keputusan ini juga adalah berdasarkan penilaian risiko semasa dan persetujuan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia.

Inisiatif VTL ini telah berjaya meningkatkan jumlah pengendalian penumpang antarabangsa dan seterusnya membantu meningkatkan sektor pelancongan dan ekonomi negara. Sehingga 14 Februari 2022, seramai 171,583 pengembara daripada Singapura telah memanfaatkan inisiatif ini.

VTL MELALUI UDARA

Penjualan tiket penerbangan akan dibuka dan berkuatkuasa serta-merta untuk perjalanan segera. Selain itu, kedua-dua negara juga sedang mengadakan perbincangan lanjut bagi memperluaskan laluan VTL Laluan Udara ke Pulau Pinang dan Kota Kinabalu untuk dilaksanakan tidak lama lagi. Dalam hubungan ini, MOT melalui Malaysia Airports Holdings Berhad sedang menyediakan fasiliti ujian saringan COVID-19 dan kemudahan-kemudahan yang berkaitan di lapangan terbang yang berkaitan bagi menyokong pelaksanaan inisiatif tersebut kelak.

VTL MELALUI DARAT

Penjualan tiket bas akan disambung semula berkuatkuasa serta-merta tetapi hanya untuk perjalanan bermula 22 Februari 2022 dan seterusnya.

Diharapkan inisiatif ini dapat memanfaatkan rakyat serta merancakkan sektor pelancongan dan terus memacu pertumbuhan ekonomi bagi kedua-dua negara. Dalam masa sama, semua pihak diingatkan supaya tidak alpa dan leka dalam mematuhi segala peraturan atau prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan demi kebaikan diri serta insan tersayang disekeliling.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

VACCINATED TRAVEL LANE (VTL) BETWEEN MALAYSIA AND SINGAPORE FULLY RESUMES

Based on current risk evaluations and with approval from the Ministry of Health Malaysia, the Ministry of Transport (MOT) wishes to announce that the sale of bus and airline tickets under the Vaccinated Travel Lane (VTL) between Malaysia and Singapore will be fully resumed with 100 percent seating capacity for both land and air travel, with immediate effect.

The VTL initiative had successfully allowed more international travel, which helped to boost the tourism sector and contribute to economic revival. As of 14 February 2022, a total of 171,583 travelers from Singapore have benefited from this initiative for both air and land options.

VTL BY AIR

The sale of air tickets under VTL will be opened with immediate effect for immediate travel. Additionally, both Malaysia and Singapore are in advanced discussions on expanding the VTL by Air to Penang and Kota Kinabalu and we look forward to launching these services soon. In this regard, MOT together with Malaysia Airports Holdings Berhad is in the midst of preparing the necessary COVID-19 screening facilities and other related facilities to make these new VTL initiatives a success.

VTL BY LAND

The sale of bus tickets under VTL will resume with immediate effect but ONLY for travel from 22 February 2022 onwards.

We hope that the VTL will benefit the people and revitalise the economies of both nations. At the same time, we wish to remind all parties to remain compliant with the healthcare protocols and standard operating procedures that have been stipulated for a safer travel environment for all.

**DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA
16 FEBRUARI 2022**

-TAMAT-

Pertanyaan Media

Hotline 1800-88-7723
Faks +603 8892 0208
E-mel aduan@mot.gov.my

